

INSIDEN LEBIH 100 TENTERA AFGHANISTAN DIBUNUH

Taliban serang askar sedang solat Jumaat

BERITA HARIAN 23/4/17 m/s 33



Tentera Afghanistan memindahkan keranda mayat di pangkalan tentera sehari selepas ia diserang Taliban di wilayah Balkh.

➔ 10 militan menyamar masuk pangkalan, letupkan diri

Kabul

Lebih 100 tentera Afghanistan terbunuh dan cedera dalam satu serangan terancang Taliban ke atas pangkalan tentera di utara negara itu, semalam.

Menurut Kementerian Pertahanan, ia adalah serangan berdarah terkini terhadap kemudahan ketenteraan Afghanistan yang menunjukkan negara terjejas perang itu kian tidak selamat, ketika kerajaan bersiap berdepan pertempuran pada musim luruh.



Info

➔ **Sejumlah 10 militan** dilaporkan memakai seragam tentera Afghanistan memandu masuk ke pangkalan tentera sebelum melepaskan tembakan.

➔ **Terdahulu, jurucakap tentera Amerika Syarikat** kata lebih 50 tentera Afghanistan maut manakala pegawai tempatan menyebut lapan terkorban.

“Majoriti tentera kami sedang solat Jumaat, ketika serangan,” kata kementerian itu dalam satu kenyataan.

Mangsa adalah rekrut muda

Difahamkan, dua penyerang meletupkan diri mereka dan tujuh yang lain terbunuh dalam serangan berhampiran bandar Mazar-i-Sharif, kelmarin.

Serangan itu berlaku selama beberapa jam dan sebuah masjid serta kemudahan dewan makan menjadi sasaran.

Jumlah kematian rasmi diberikan kerajaan itu diterbitkan, selepas seorang pegawai tentera yang berada di lokasi, ketika serangan memaklumkan AFP bahawa seramai 150 tentera terbunuh sementara berpuluh-puluh yang lain cedera.

“Mereka adalah rekrut muda yang datang untuk latihan,” katanya tanpa mendedahkan identiti. **AFP**